

**KEMPEN HLB x IKEA BELANJA & DAPAT KAD HADIAH IKEA BERNILAI RM50**  
(Dikemaskini pada 9 Mei 2022)

**TEMPOH KEMPEN**

**15 APRIL 2022 – 15 JULAI 2022**

**CARA MENDAPAT HADIAH KEMPEN**

Dapatkan Kad Hadiah IKEA Bernilai Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) apabila anda berbelanja sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lapan Ratus (RM800) untuk mana-mana produk di mana-mana cawangan IKEA di Malaysia dalam satu resit dengan Kad Kredit Visa HLB anda!

Tebus Kad Hadiah IKEA serta-merta di HLB Redemption Booth yang terletak di setiap cawangan IKEA di Malaysia.

**PERUNTUKAN KAD HADIAH**

<b>Cawangan IKEA</b>	<b>IKEA Damansara</b>	<b>IKEA Cheras</b>	<b>IKEA Batu Kawan</b>	<b>IKEA Tebrau</b>
Peruntukan Kad Hadiah (RM50 setiap keping)	1,300 keping	1,300 keping	800 keping	600 keping

**Contoh cara mendapatkan hadiah kempen:**

<b>Nombor transaksi</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>
<b>Cawangan</b>	IKEA Batu Kawan	IKEA Damansara	IKEA Tebrau	IKEA Damansara
<b>Jumlah perbelanjaan (RM)</b>	800	1,000	800	200
<b>Layak untuk Kad Hadiah IKEA</b>	<b>Ya</b>	<b>Ya</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>

**Sila rujuk halaman berikut untuk butiran penuh dan terma & syarat kempen.**

## KEMPEN HLB x IKEA BELANJA & DAPAT KAD HADIAH IKEA BERNILAI RM50

Dikemaskini pada 9 Mei 2022

### TEMPOH KEMPEN

“Kempen HLB x IKEA Belanja & Dapat Kad Hadiah IKEA Bernilai RM50” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada 15 April 2022 pukul 10:00:00 jam (10:00 pagi) dan berakhir pada 15 Julai 2022 pukul 22:00:00 jam (10:00 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan di dalam ini atau diberitahu sebaliknya.

### TERMA & SYARAT

Berikut adalah Terma & Syarat Kempen yang berkenaan dengan Kempen (“T&S”):

### KELAYAKAN KEMPEN

1. Kempen ini terbuka kepada pemegang kad kredit HLB VISA utama & tambahan sedia ada (“Kad”) yang berjaya melaksanakan Transaksi Runcit yang Layak yang disenaraikan dalam Jadual 1 di bawah (“Pemegang Kad”) dalam Tempoh Kempen.
2. Pemegang Kad berikut tidak layak untuk Kempen ini:
  - (a) Pemegang Kad Kredit VISA HLB yang kadnya TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
  - (b) Pemegang Kad yang akaun Kadnya TIDAK dalam kedudukan yang baik, tidak aktif, atau yang melanggar mana-mana Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad HLB pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen;
  - (c) Pemegang Kad yang akaun Kadnya tidak sah atau dibatalkan pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen;
  - (d) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB; dan/atau
  - (e) Pemegang Kad yang telah diisytiharkan bankrap (menurut petisyen sama ada oleh bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

### KAEDAH KEMPEN

3. Pemegang Kad mesti melaksanakan dan memenuhi keperluan Transaksi Runcit yang Layak dan Perbelanjaan Minimum seperti yang **dinyatakan** dalam Jadual 1 di bawah menggunakan Kad mereka untuk layak menerima Hadiah Kempen (“Pemegang Kad Layak”).

**Jadual 1**

<b>Transaksi Runcit yang Layak</b>	<b>Perbelanjaan Minimum</b>	<b>Hadiah Kempen</b>
Berbelanja untuk sebarang produk di mana-mana cawangan IKEA di Malaysia <u>dalam satu resit dengan Kad</u>	RM800	<b>Kad Hadiah IKEA bernilai RM50</b>

4. Pemegang Kad Layak boleh mendapatkan Hadiah Kempen mengikut kaedah pemilihan penebusan yang disenaraikan di Klausa 10 di bawah.
5. Kad Hadiah IKEA tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit pendahuluan, cek atau manfaat dalam bentuk barangan.
6. Kad Hadiah IKEA mesti ditebus dari gerai penebusan HLB (“HLB Redemption Booth”) di setiap cawangan IKEA dalam hari yang sama selepas melaksanakan Transaksi Runcit yang Layak.

7. Setiap resit Transaksi Runcit yang Layak adalah terhad kepada SATU (1) Kad Hadiah IKEA.
8. Untuk mengelakkan keraguan, Transaksi Runcit yang Layak TIDAK termasuk yang berikut:
  - (a) Sebarang perbelanjaan runcit dengan pembayaran berulang atau pengebilan automatik;
  - (b) Sebarang produk portfolio seperti Pindahan Baki (“**BT**”), Quick Cash One-Time Fee (“**QC**” “**OTF**”), Quick Cash Monthly Interest (“**QC MI**”) dan Pelan Pembayaran Fleksi (“**FPP**”);
  - (c) Transaksi dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
  - (d) Apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.

### **PEMENUHAN KEMPEN**

9. Hadiah Kempen akan diberikan serta-merta di HLB Redemption Booth yang terletak di setiap cawangan IKEA di Malaysia oleh pegawai HLB terus kepada Pemegang Kad Layak apabila memenuhi syarat seperti yang ditetapkan di Klausa 3 di atas.
10. Pemegang Kad Layak dikehendaki menunjukkan bukti perbelanjaan mereka dalam bentuk resit asal dan Kad yang digunakan untuk perbelanjaan kepada pegawai HLB untuk mengesahkan Transaksi Runcit yang Layak dan Perbelanjaan Minimum.
11. Pemegang Kad Layak yang telah memenuhi syarat di Klausa 3 di atas akan menerima Hadiah Kempen atas dasar siapa cepat dia dapat dan tertakluk kepada jumlah Peruntukan Kad Hadiah untuk Kempen ini yang dihadkan seperti yang disenaraikan dalam Jadual 2 di bawah sepanjang Tempoh Kempen.

**Jadual 2**

<b>Cawangan IKEA</b>	<b>IKEA Damansara</b>	<b>IKEA Cheras</b>	<b>IKEA Batu Kawan</b>	<b>IKEA Tebrau</b>
<b>Peruntukan Kad Hadiah (RM50 setiap keping)</b>	1,300 keping	1,300 keping	800 keping	600 keping

Tiada Hadiah Kempen selanjutnya akan diberikan setelah had dicapai. HLB tiada kewajipan untuk memaklumkan Pemegang Kad Layak sekiranya peruntukan Kad Hadiah mencapai hadnya.

12. Untuk mengelakkan keraguan, Hadiah Kempen adalah tertakluk kepada T&S yang dikenakan oleh IKEA yang termasuk hak untuk meminda mana-mana T&S, mengubah, menamatkan atau menangguh penebusan Hadiah Kempen tanpa notis terlebih dahulu.
13. Hadiah Kempen (“**Kad Hadiah IKEA**”) sah sehingga 30 Jun 2024. Tempoh sah Hadiah Kempen tidak akan dilanjutkan apabila tamat tempoh atau sebarang keadaan lain. Mana-mana Hadiah Kempen yang tidak digunakan atau tidak ditebus selepas tempoh sah akan luput dan menjadi tidak sah.
14. Setiap Hadiah Kempen sah untuk kegunaan sekali sahaja. Sebarang baki yang tidak digunakan tidak akan dikembalikan. Jika nilai Hadiah Kempen kurang daripada nilai item yang dibeli, perbezaannya hendaklah ditanggung oleh Pemegang Kad Layak.
15. HLB tidak membuat sebarang perwakilan atau jaminan berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Kad Hadiah IKEA dan/atau produk IKEA, kesahihan dan/atau penggunaan Kad

Hadiah IKEA. HLB tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Kad Hadiah IKEA yang hilang, rosak atau tamat tempoh. Pemegang Kad Layak hendaklah atas kos dan perbelanjaan mereka sendiri berurusan terus dengan Ikano Handel Malaysia Sdn Bhd untuk sebarang pertanyaan, pertikaian atau tuntutan berkaitan Kad Hadiah IKEA dan/atau produk IKEA tanpa rujukan kepada HLB.

#### **TERMA & SYARAT AM**

16. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak:
  - (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S di sini dan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad HLB yang terdapat di laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("**Laman Web HLB**");
  - (b) bersetuju bahawa semua rekod Transaksi Runcit yang Layak yang ditangkap oleh sistem HLB untuk tujuan Kempen ini adalah muktamad;
  - (c) bersetuju bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan melibat semua Pemegang Kad Layak;
  - (d) bersetuju bahawa Hadiah Kempen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk sebarang kredit, cek atau barang;
  - (e) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB pada selang masa yang tetap untuk melihat Terma & Syarat Kempen ini bagi memastikan ia sentiasa terkini dengan sebarang perubahan atau variasi kepada T&S ini;
  - (f) memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu, nombor telefon kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dibenarkan, cth. Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCATALYST Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)) sebagaimana HLB anggap sesuai untuk tujuan penghantaran SMS dan/atau e-mel bagi tujuan Kempen ini; dan
  - (g) bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
17. HLB berhak untuk:
  - (a) membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Transaksi Runcit yang Layak dalam cara atau corak yang HLB anggap tidak biasa, tidak teratur dan/atau menunjukkan percubaan untuk mendapatkan kelebihan tidak adil berbanding Pemegang Kad Layak yang lain;
  - (b) melucutkan dan/atau mencabut kembali Hadiah Kempen apabila terdapat pembalikan Transaksi Runcit yang Layak, sebagaimana yang berkenaan, atau penamatan Kad semasa Tempoh Kempen dan/atau pada masa memberi Hadiah Kempen atau ketidakpatuhan kepada T&S di sini; dan
  - (c) menambah, memadam atau meminda T&S di sini, sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini, dengan cara menyiarkan di Laman Web HLB atau dalam mana-mana kaedah lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad yang Layak.
18. HLB tidak bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penyerahan dan/atau pemprosesan Transaksi Runcit yang Layak oleh Visa International Incorporated, Mastercard Worldwide, organisasi peniaga, atau mana-mana pihak yang boleh mengakibatkan Pemegang Kad Layak diketepikan daripada Kempen ini.
19. T&S Kempen ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
20. Sebagai tambahan kepada terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad HLB hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di sini sebagai keseluruhan perjanjian. Sebarang percanggahan antara T&S ini dan

Terma dan Syarat Am HLB bagi Perjanjian Pemegang Kad, terma khusus dalam T&S ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.

21. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat muktamad versi Bahasa Inggeris di Laman Web HLB akan diguna pakai.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Terma dan Syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my).